

Car Life Secure
RISALAH MAKLUMAT PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad (HLA), sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan) untuk definisi istilah yang huruf besar.

Anda harus membaca dokumen ini bersama dengan Ilustrasi Jualan dan Risalah Pendedahan Produk.

1. Gambaran Keseluruhan Produk

Ini ialah pelan bertempoh tanpa penyertaan dengan premium tunggal yang menawarkan perlindungan berkurangan sama ada kematian atau Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (sebelum mencapai umur 65 tahun). Jumlah Diinsuranskan akan dikurangkan secara berperingkat sepanjang tempoh perlindungan.

2. Faedah/Perlindungan

Faedah	Deskripsi
Faedah Kematian atau Faedah Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD)	• Sekiranya berlaku kejadian pertama sama ada untuk kematian atau TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun), kami akan membayar Jumlah Diinsuranskan semasa seperti yang ditunjukkan dalam Ilustrasi Jualan. • Faedah TPD akan dibayar berdasarkan peruntukan TPD. • Jumlah Faedah TPD bagi Setiap Hayat yang dibayar di bawah semua polisi yang menginsuranskan Hayat Diinsuranskan tidak boleh melebihi Had Faedah TPD bagi Setiap Hayat sebanyak RM10,000,000. Jumlah Faedah TPD bagi Setiap Hayat merujuk kepada perlindungan TPD daripada semua polisi yang masih berkuat kuasa untuk setiap Hayat Diinsuranskan pada masa berlaku kejadian tuntutan. • Sekiranya Faedah TPD melebihi RM4,000,000, kami akan membayar jumlah RM4,000,000 yang pertama sekaligus dan sebarang baki akan dibayar dalam 2 ansuran yang sama pada ulang tahun pertama dan kedua dari tarikh pembayaran pertama Faedah TPD. • Selepas pembayaran Faedah TPD, kami akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan semasa dengan sewajarnya. Kami akan membayar sebarang baki Jumlah Diinsuranskan semasa sekiranya kematian berlaku dalam tempoh polisi.

3. Terma dan Syarat Utama

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. HLA akan mengembalikan kepada anda sebarang premium yang telah dibayar dan sebarang cukai (ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan).
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami, dan anda berhak menerima nilai penyerahan tunai (jika berkenaan). Walau bagaimanapun, jumlah yang perlu dibayar adalah kurang daripada keseluruhan jumlah premium yang telah anda bayar.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak milik polisi. Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama dan memastikan bahawa penama tersebut mengetahui polisi yang telah anda beli.
- Sila rujuk Ilustrasi Jualan yang berkaitan dengan polisi anda (jika berkenaan) yang diberikan kepada anda oleh syarikat insurans anda.
- Semua permohonan tertakluk kepada kelulusan penaja jamin.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan anda) untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

Risalah Maklumat Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal Pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.
Car Life Secure Version 1.0 – Kemas Kini 08 Dis 2025 – E&OE –



4. Pengecualian

Faedah	Deskripsi Pengecualian
Faedah Kematian	Sekiranya Hayat Diinsuranskan sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Pengeluaran, polisi ini akan terbatal dan kami akan mengembalikan premium dan sebarang cukai berkenaan yang telah dibayar tanpa faedah selepas ditolak sebarang jumlah yang tertunggak kepada kami di bawah polisi ini.
Faedah Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD)	Tiada faedah akan dibayar untuk TPD akibat: • daripada ketidakupayaan yang wujud pada Tarikh Pengeluaran; • daripada kecederaan diri yang disengajakan sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman; • daripada penerbangan di dalam pesawat (kecuali sebagai anggota kru udara atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang dalam penerbangan berjadual biasa syarikat penerbangan komersial); atau • daripada sebarang perkara ketika Hayat Diinsuranskan berkhidmat sebagai anggota angkatan tentera, polis, dan angkatan separa tentera akibat peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil jaminan atau polisi induk (daripada perantara jualan anda) untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

5. Maklumat Lanjut

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Jabatan Khidmat Pelanggan
Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City Development
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Tel: 03 - 7650 1288
Laman Web: www.hla.com.my

Pengantara:
Toyota Capital Malaysia Sdn Bhd
Lot 20.01, Level 20, Plaza IBM,
First Avenue, Bandar Utama,
47800 Petaling Jaya,
Selangor

Tel: 03-2727 8880

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Risalah Maklumat Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal Pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.
Car Life Secure Version 1.0 – Kemas Kini 08 Dis 2025 – E&OE –

